



# PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN  | SYARAT PENDAFTARAN  | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL   | TARIKH TENDER DITUTUP   |
|--|---|--|---|
| <p><b><u>TAJUK PROJEK:</u></b></p> <p>CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 3 UNIT BANGLO 3 TINGKAT, 1 UNIT BANGLO 2 TINGKAT, 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK DOUBLE CHAMBER, KERJA TANAH DAN INFRASTRUKTUR UTAMA DI SEBAHAGIAN JALAN SETIA PERDANA U13/30A DAN U13/30B, PRECINT 12, SEKSYEN U13 40170 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN</p> <p><b><u>NO. KONTRAK:</u></b></p> <p>PKNS/SA/RS-KI(JSPU13)/KON-2/2025</p> | <p><b><u>CIDB:</u></b></p> <p>GRED<br/>G7</p> <p><b>KATEGORI:</b><br/>B &amp; CE</p> <p><b>PENGGHUSUSAN:</b><br/>B04 &amp; CE21<br/>(WAJIB)</p> | <p><b>BAHAGIAN PEROLEHAN, TINGKAT 2, BLOK D, IBU PEJABAT PKNS, NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14, SHAH ALAM, SELANGOR.</b></p> <p><b><u>PADA :</u></b><br/>12 FEBRUARI 2026<br/>HINGGA<br/>2 MAC 2026</p> <p><b><u>JAM:</u></b><br/>9:00 PAGI HINGGA<br/>4:00 PETANG</p> | <p><b>16 MAC 2026<br/>(ISNIN)</b></p> <p><b>JAM 12:00<br/>TENGAH HARI</b></p> |

- Keutamaan diberikan sekiranya petender / syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-
  - Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
  - Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
  - Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001:2015)(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender / tawaran)
- Syarikat yang berminat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
  - Mempunyai Modal Kewangan sekurang-kurangnya **RM2,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Juta Sahaja)**;
  - Mempunyai pengalaman kerja sebanding bagi **pembinaan banglo berkualiti tinggi (high end bungalows)**;
  - Pengalaman dalam pembinaan geogrid wall dapat memberi kelebihan dalam penilaian tender;
  - Status syarikat tidak disenaraihitam atau dikenakan sebarang **Tindakan Tatatertib** oleh **CIDB**.

3. Dokumen Tender akan dijual (*Pendrive Softcopy*) pada harga **RM250.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Sahaja)** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Bayaran pembelian dokumen tender boleh dibuat seperti berikut:-
  - i) Melalui Kad Debit, Kad Kredit atau Draf Bank (atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** atau **PKNS**) hendaklah dibuat di **Kaunter Pembayaran di Tingkat Bawah, Blok B, Ibu Pejabat PKNS Shah Alam** dan dapatkan resit pembayaran sebelum hadir ke Bahagian Perolehan untuk mengambil Dokumen Tender.
4. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **12 Februari 2026**.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) (wajib), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK) (wajib)** serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
6. Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Senarai Semak dan Perakuan Tender** di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.
7. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN**  
**TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,**  
**NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,**  
**40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**  
**No. Tel: 03-5525 0300**  
**<http://etender.pkns.gov.my>**

- ii) Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

  
**MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN FUAD**  
Penolong Pengurus Kanan  
Bahagian Perolehan  
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor